

## RASUAH PILIHAN RAYA: ANALISIS HUKUM DAN FATWA DI MALAYSIA DAN INDONESIA

### *Election Corruption's Ruling: Analysis of Fatwas in Malaysia and Indonesia*

Nur Aina Abdulah<sup>1ab\*</sup>, Alfons Zakaria<sup>2c</sup>, Nur Al-Farhain Kamruzaman<sup>3de</sup>, Nurul Ain Hazram<sup>4f</sup>,  
Setiyawan Gunardi<sup>5gh</sup> dan Nik Nur Afiqah Nek Mustafa<sup>6i</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang,

<sup>b</sup>Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),  
71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA

Emel: [nuraina.abdulah@usim.edu.my](mailto:nuraina.abdulah@usim.edu.my)<sup>1</sup>

<sup>c</sup>Fakultas Hukum, Universitas Brawijaya (UB), Malang, Jawa Timur, Indonesia

Emel: [alfons@ub.ac.id](mailto:alfons@ub.ac.id)<sup>2</sup>

<sup>d</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang,

<sup>e</sup>Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),

Emel: [farhain@usim.edu.my](mailto:farhain@usim.edu.my)<sup>3</sup>

<sup>f</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),

Emel: [ainhazram@usim.edu.my](mailto:ainhazram@usim.edu.my)<sup>4</sup>

<sup>g</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang,

<sup>h</sup>Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),

Emel: [setiyawan@usim.edu.my](mailto:setiyawan@usim.edu.my)<sup>5</sup>

<sup>i</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),

Emel: [niknurafiqah98@raudah.usim.edu.my](mailto:niknurafiqah98@raudah.usim.edu.my)<sup>6</sup>

\*Corresponding Author: [nuraina.abdulah@usim.edu.my](mailto:nuraina.abdulah@usim.edu.my)

Received: 31 July 2024

Accepted: 26 September 2024

Published: 30 September 2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no3.611>

Abstrak	Abstract
<p>Rasuah merupakan perbuatan yang dilarang dan bersalahan dengan agama, akhlak dan undang-undang. Ia boleh berlaku dalam pelbagai cara dan peringkat, termasuklah dalam pilihan raya. Impak rasuah ini amatlah besar, bukan sahaja akan meruntuhkan sebuah masyarakat, malah negara keseluruhannya. Permasalahannya adalah hukum bagi isu-isu rasuah yang berlegar sekitar pilihan raya masih lagi samar dan belum dibincangkan secara terperinci dari persepektif Syariah. Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk menjelaskan hukum dan fatwa di Malaysia dan Indonesia berkaitan rasuah termasuk isu-isu yang berlegar ketika pilihan raya. Metodologi kajian</p>	<p>Corruption is an act prohibited and punishable by religion, morality, and law. It can happen in various ways and levels, including in general elections. The impact of corruption is daunting, ruining society and the entire country. However, issues surrounding corruption in elections are still vague and have not been discussed in detail from a Shariah perspective. Therefore, this article aims to explain the laws and fatwas in Malaysia and Indonesia related to corruption, including issues that arise during general elections. Qualitative research methodology uses data collection methods through content analysis and</p>



This is an open-access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution License (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>), which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original author(s) and source are properly credited.

<p>kualitatif digunakan dengan kaedah pengumpulan data secara analisis kandungan dan temu bual pakar. Data kemudiannya dianalisis secara tematik dan deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa hukum asal sesuatu pemberian adalah harus dalam Syariah. Walau bagaimanapun, dalam isu pilihan raya, sekiranya pemberian itu mempunyai niat dan tujuan di sebaliknya, seperti untuk memancing undi dan mengubah kecenderungan politik, maka, hukumnya adalah haram dan perlu ditinggalkan kerana ia tergolong dalam perbuatan rasuah.</p> <p><b>Kata kunci:</b> fatwa, hukum, pilihan raya, rasuah, Syariah</p>	<p>expert interviews. Data were then analyzed thematically and descriptively. The results of the study found that the original ruling of a gift is permissible in Shariah. However, in the context of giving gifts during the election, it is prohibited if it is intended to attract votes and change political inclinations. It must be abandoned as it is considered a form of corruption.</p> <p><b>Keywords:</b> corruption, fatwa, general election, law, Shariah</p>
--	---

## 1. PENGENALAN

Rasuah merupakan perbuatan yang bersalahan dengan agama, adat, akhlak dan undang-undang. Perkataan rasuah berasal daripada kalimah *rasya* yang bererti tali timba yang digunakan untuk mengambil air perigi (Al-Bustamami, 2006). Rasuah dari sudut bahasa bermaksud anak burung atau ayam yang memanjangkan kepalanya untuk disuapkan makanan (Manzur, 1993). Manakala, rasuah dari sudut istilah pula bermaksud sesuatu yang diberikan untuk membatalkan hak atau untuk menegakkan kebatilan (Wizarah al-auqaf wa al-syu'un al-Islamiyyah, 1983). Istilah rasuah yang dinyatakan ini juga bertepatan dengan istilah rasuah yang dinyatakan oleh Yusuf al-Qardhawi bahawa rasuah membawa maksud memberikan wang kepada penguasa atau petugas, supaya penguasa atau petugas tersebut memenangkan hukum untuknya dengan mengalahkan pihak lawan, atau supaya mendahulukan urusannya atau melambatkan (al-Qardhawi, 2007).

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, rasuah didefinisikan sebagai pemberian menumbuk rusuk iaitu menyogok, menyuap, sogok, suap (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005). Rasuah juga boleh diistilahkan sebagai salah laku yang melibatkan pemberian suapan atau upah yang boleh mendatangkan manfaat kepada kedua-dua pihak sehingga mengabaikan nilai integriti dalam melaksanakan tugas (Mohamad Riza et al, 2023). Selain itu, rasuah juga boleh diistilahkan sebagai satu perbuatan yang tidak telus yang dilakukan oleh individu yang berkuasa (Hildi et al, 2023).

Umumnya, rasuah boleh ditafsirkan sebagai pemberian atau penerimaan wang sogokan, komisen, duit kopi, *ang pow*, *kau tim*, atau *under table money* (SPRM, 2017). Statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan bahawa kadar tangkapan individu dari pelbagai sektor yang terlibat dengan rasuah di Malaysia adalah tinggi, iaitu sebanyak 4,748 kes bagi tempoh 5 tahun kebelakangan ini. Purata sebanyak 949 kes berlaku setiap tahun bermula dari tahun 2018 hingga 2022 (Portal Rasmi SPRM). Keadaan ini menunjukkan bahawa rasuah telah menjadi amalan segelintir rakyat Malaysia dan merupakan masalah yang berlaku dalam masyarakat sehingga hari ini (Noraida et al, 2017). Malah, Malaysia dilaporkan mengalami kerugian sebanyak RM 4.5 trilion dalam tempoh 26 tahun disebabkan oleh jenayah rasuah (Sinar Harian, 10 Mei 2023).

Beberapa faktor penyebab berlakunya rasuah, antaranya ialah tekanan kewangan, kelemahan peribadi individu, tekanan pekerjaan dan masalah integriti (Azman et al, 2022). Manakala, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan, atau lebih dikenali sebagai ILKAP, (2019) turut menyenaraikan faktor penyebab seperti kelemahan tadbir urus, ketamakan, penguatkuasaan yang lemah dan keinginan untuk memperoleh kekayaan dan kesenangan dengan jalan yang mudah dan cepat dengan menyalahgunakan kuasa yang dimiliki. Selain itu, rasuah juga berlaku disebabkan wujudnya peluang, karenah birokrasi, peraturan yang tidak ketat dalam sistem pelaksanaan kerja, serta masalah kenaikan kos sara hidup (Noraida Harun & Zaidi Hassim (2017).

Impak perbuatan rasuah ini amat besar kepada individu. Ia akan menyebabkan reputasi seseorang jatuh, dipandang hina oleh masyarakat, hilang kepercayaan, hidup tertekan, hilang keluarga dan rakan. Malah, maruah keluarga turut akan terjejas, di samping memberi kesan terhadap ekonomi disebabkan pekerjaan yang tidak produktif (Sarah Dina & Mohd Adib. 2013). Manakala, Diyab Khalil (2011) dan Abdullah Ibn Abdul Muhsin (1982) menjelaskan kesan rasuah menurut perspektif fiqh dalam pelbagai aspek kehidupan merangkumi ibadat, muamalat, isu kekeluargaan, kehakiman dan jenayah. Gejala rasuah akan meruntuhkan akhlak dan etika masyarakat serta mengakibatkan krisis kepercayaan dan kesetiaan kepada kepimpinan negara. Ini secara tidak langsung merupakan penegasan terhadap kepentingan meletakkan pemimpin yang bebas rasuah dan berkelayakan untuk meneraju sesebuah negara.

Nor Najdah (2018) menyenaraikan beberapa mekanisme pencegahan rasuah dalam sejarah Islam yang dilaksanakan oleh Khalifah Umar Bin Abdul Aziz. Antara mekenaisme itu adalah dengan melaksanakan fungsi institusi *hisbah* (pemantauan dan penguatkuasaan) dengan baik dan mengintegrasikan antara

konsep dakwah *bil hal* (melalui perbuatan) dengan dakwah *bil hikmah* (secara bijaksana) yang bermula dengan diri sendiri, dan seterusnya diterapkan dalam pentadbiran. Selain itu, Khalifah juga turut menerapkan nilai-nilai agama melalui pendekatan institusi keluarga yang berintegriti.

Statistik menunjukkan bahawa rasuah berlaku di dalam masyarakat tanpa mengira sektor pekerjaan (Portal Rasmi SPRM). Ia adalah universal tanpa melihat kepada sempadan bangsa, kaum, adat dan negara. Namun, rasuah amat sinonim berlaku di kalangan ahli politik di kebanyakan negara seluruh dunia termasuk Malaysia. Kebiasaannya, rasuah di kalangan ahli politik berlaku sesama mereka yang berkepentingan dengan menyalahgunakan kuasa yang ada untuk mendapatkan keistimewaan dan kemewahan, selain untuk meraih undi daripada penyokong dan juga rakyat dalam pilihan raya.

Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan rasuah politik berlaku bukan sahaja di Malaysia, malah di kebanyakan negara-negara membangun. Di Taiwan, Ketua Parti Koumintang yang merupakan parti yang paling lama memerintah di Taiwan telah dijatuhkan hukuman penjara selama sepuluh tahun atas kesalahan rasuah pada tahun 2004 (Hairuzzaki, 2015). Di Pakistan pula, Perdana Menteri Pakistan pada tahun 1996 iaitu Benazir Bhutto pula telah dikaitkan dengan rasuah secara besar-besaran dalam kerajaannya yang menyebabkan Presiden Pakistan pada ketika itu telah memecat Benazir sebagai perdana menteri (Hairuzzaki, 2015). Kajian juga menunjukkan bahawa parti politik yang memegang tampuk pemerintahan dalam jangka masa yang lama cenderung untuk terlibat dengan rasuah politik (Heywood, 1997). Manakala di Malaysia, kes rasuah juga terjadi melibatkan ahli politik, antaranya kes *Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak v Public Prosecutor [2021] MLJU 2485*.

Terdapat beberapa akta yang melibatkan kesalahan rasuah dalam pilihan raya iaitu Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (AKPR 1954), Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009. SPRM dan SKMM boleh mengambil tindakan tegas terhadap perbuatan rasuah, salah guna kuasa dan kesalahan berkaitan pilihan raya sekiranya terdapat laporan yang dibuat.

Walaupun terdapat banyak kajian literatur yang membicarakan tentang rasuah, namun hukum rasuah pilihan raya dari persepektif Syariah belum dibincangkan secara terperinci. Oleh itu, objektif artikel ini adalah untuk menjelaskan hukum dan fatwa berkaitan rasuah pilihan raya termasuk isu-isu yang berlegar sekitarnya.

## 2. METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan (*content analysis*). Pengumpulan data kajian diperolehi daripada dua metod; analisis dokumen dan temu bual. Dokumen yang digunakan adalah buku-buku fiqh turath dan kontemporari, serta fatwa dari Malaysia dan Indonesia. Manakala, temu bual pula dijalankan secara separa berstruktur bersama pakar dalam bidang Syariah. Seterusnya, data kajian dianalisis secara deskriptif dan tematik berpandukan kepada objektif kajian.

## 3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Perbincangan dapatan kajian dimulai dengan perbincangan hukum dan fatwa hasil daripada analisis dokumen. Kemudian, artikel ini akan membincangkan hukum berkaitan dengan isu-isu pilihan raya yang diperolehi hasil daripada temu bual pakar.

### 3.1 *Hukum Asal Pengharaman Rasuah*

Secara umumnya, hukum rasuah adalah haram dan tergolong dalam salah satu daripada dosa-dosa besar. Rasuah haram diberi dan haram juga diterima (al-Bugha, 1992). Pengharaman rasuah sudah ditetapkan oleh Allah S.W.T dan termaktub dalam al-Quran dan hadis dari Rasulullah S.A.W. Dalil pengharaman rasuah dari al-Quran:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبُطْلِ وَتُنْذِلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِيَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Terjemahannya: “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)” (Surah al-Baqarah: ayat 188)

Dalam ayat yang lain pula, Allah berfirman;

سَمَاعُونَ لِلْكَذِبِ أَكَّالُونَ لِلسُّحْتِ

Terjemahannya: “Mereka sangat suka mendengar berita-berita dusta, sangat suka memakan segala yang haram (rasuah dan sebagainya)” (Surah al-Maidah: 42).

Manakala, dalil pengharaman rasuah dari hadis:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ

Maksudnya: “*Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah.*” (Hadis nombor 843, Bab al-Buyu’, Riwayat Abu Daud, al-Tirmizi dan Ibn Majah)

Pengharaman rasuah kepada penerima dan pemberinya juga dapat difahami melalui kaedah fiqh:

ما حرم أخذه حرم إعطاؤه

Maksudnya: “*Sesuatu yang haram untuk diambil, maka begitulah juga haram untuk memberikannya.*” (Al-Suyuti, 1983).

Al-Nawawi (1991) membezakan hukum perbuatan rasuah dengan pemberian hadiah dengan elemen niat timbal balik. Menurutnya, rasuah adalah pemberian yang meletakkan syarat timbal balik kepada penerima untuk menjatuhkan hukuman pada sesuatu yang tidak benar atau menghalang daripada hukuman yang benar dijatuhkan. Manakala, hadiah adalah suatu pemberian semata-mata tanpa mensyaratkan apa-apa. Sementara itu, Al-Syarbini (1994), menyatakan sesuatu pemberian yang telah menjadi adat kebiasaan sesuatu masyarakat tanpa ada niat timbal balik tidak dikira sebagai rasuah.

Ibnu Qudamah (1986) pula menerangkan jika seseorang hakim menerima rasuah atau hadiah yang dia tidak berhak untuk menerimanya, maka hakim tersebut hendaklah mengembalikan semula pemberian tersebut kepada pemiliknya, kerana ia tergolong dalam rasuah.

### 3.2 Rukhsah atau Kelonggaran Hukum Asal

Di sebalik hukum asal pengharaman rasuah, terdapat beberapa ulama’ yang memberikan rukhsah atau kelonggaran hukum dengan mengharuskan atau membolehkan pemberian rasuah dalam keadaan terdesak. Al-Suyuti (1990), Al-Subki (1993) dan Al-Zuhaili (2007) berpendapat bahawa kelonggaran tersebut hanya diberikan dalam keadaan dan situasi tertentu sahaja seperti terpaksa memberikan rasuah kepada hakim demi untuk mendapatkan haknya yang terhalang. ‘Abd al-Rahman Ba’lawi (2016), menyatakan bahawa sekiranya seseorang individu itu terpaksa memberikan rasuah untuk mendapatkan haknya yang terhalang, maka hanya penerima rasuah yang berdosa, bukannya pemberi. Ini bermakna hukum rukhsah pemberian rasuah dalam keadan terdesak ini hanya dibenarkan kepada pemberi rasuah sahaja, tetapi tetap haram kepada penerima rasuah.

Maka, dapat disimpulkan bahawa hukum rukhsah atau kelonggaran hukum dalam pemberian rasuah ini hanya dalam keadaan terdesak dengan dua syarat utama:

Pertama: Pemberian suapan itu adalah untuk mengambil dan mendapatkan haknya yang dizalimi atau dihalang. Sekiranya pemberian suapan itu dilakukan untuk mendapatkan sesuatu yang bukan milik atau haknya, maka, hukumnya tetap haram.

Kedua: Tiada jalan lain untuk mengambil dan mendapatkan haknya melainkan hanya dengan cara pemberian suapan tersebut.

Hujah ulama' yang membenarkan rasuah dalam keadaan terdesak ini adalah berdasarkan kepada dalil:

فَمَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Terjemahannya: "Sesiapa yang melakukan suatu yang haram kerana terdesak, bukannya kerana dia sendiri menginginkannya dan tidak juga untuk melampaui batas, maka tiada dosa ke atasnya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang" (Surah al-Baqarah: 173).

### 3.3 Fatwa Malaysia

Pandangan dari mufti Wilayah Persekutuan dalam Irsyad Hukum Siri ke-740: Hukum Memberi Rasuah dalam Keadaan Terdesak, yang disiarkan pada 28 Disember 2022 menetapkan bahawa hukum asal pengharaman rasuah yang asal digunakan dalam semua keadaan, tanpa mengambil pengecualian atau rukhsah kepada mereka yang dizalimi ataupun terdesak. Hukum ini adalah selaras dengan Akta 694, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan terhadap larangan menerima, meminta, memberi dan menawarkan rasuah atau suapan dan juga Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

### 3.4 Fatwa Indonesia

Menurut Redaksi Bahtsul Masail NU Online pada 13 Februari 2018 menetapkan bahawa hukum pengecualian atau rukhsah diambil dan digunakan. Ini bermakna harus bagi seseorang yang terdesak untuk memberikan rasuah demi mendapatkan haknya yang terhalang. Hukum haram tetap terpakai ke atas penerima rasuah. Walau bagaimanapun, fatwa ini sedikit berbeza dengan perundangan Indonesia yang melarang perbuatan rasuah dalam apa jua keadaan. Undang-undang itu termaktub dalam Undang-

undang Nombor 7 Tahun 2017 tentang Pemilihan Umum, Undang-undang Nombor 31 Tahun 1999 Tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi, Undang-undang Nombor 20 Tahun 2001 tentang Perubahan Atas Undang-Undang Nombor 31 Tahun 1999 Tentang Pemberantasan Tindak Pidana Korupsi.

### 3.5 Analisis Kajian Kes Rasuah Pilihan Raya di Malaysia

Terdapat beberapa petisyen-petisyen pilihan raya yang dibawa ke mahkamah berhubung dengan salah laku pemberian wang kepada pengundi yang dikaitkan dengan rasuah semasa Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang lepas. Antara petisyen yang difailkan adalah Petisyen Pilihan Raya No Ta-26PP- 2-01 Tahun 2023 yang dihantar bagi membatalkan keputusan pilihan raya di Parlimen Marang. Dalam kes, *Dato' Mohd Zubir Bin Embong lawan Datuk Hj Ahmad Amzad Bin Mohamed @ Hashim*, [2023] MLJU 1542, pihak pempetisyen mendakwa berlaku perbuatan penyogokan dalam bentuk penjamuan dan pemberian sumbangan ketika majlis makan malam sempena perayaan Deepavali. Pengagihan wang bantuan i-Belia dan i-Siswa yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada pengundi beberapa hari sebelum pilihan raya dijalankan turut dipertikaikan. Mahkamah membuat keputusan dengan membatalkan kemenangan ahli Parlimen Marang tersebut walaupun pihak responden menyatakan bahawa majlis dan sumbangan-sumbangan itu adalah program rasmi Kerajaan Negeri Terengganu yang diadakan secara tahunan.

Selain itu, terdapat petisyen yang dihantar oleh M Ramasamy, berhubung permohonannya membatalkan kemenangan parti di kerusi Parlimen Segamat. Dalam kes, *Tan Sri M Ramasamy lawan R Yuneswaran & Ors* [2023] MLJU 820, pempetisyen mendakwa berlaku penyogokan dalam bentuk pemberian makanan oleh responden di sebuah tokong Cina, selain daripada bahan kempen yang melanggar peraturan. Namun, mahkamah menolak petisyen tersebut kerana tidak menepati undang-undang dan memerintahkan bayaran sebanyak RM 30 ribu kepada responden.

Seterusnya adalah petisyen pilihan raya yang difailkan oleh pempetisyen, Wan Mohamad Hisham Wan Abdul terhadap ahli Parlimen Kemaman yang telah membatalkan kemenangannya dalam pilihan raya lepas. Dalam kes, *Wan Mohamad Hisham Bin Wan Abdul Hamid lawan Che Alias Bin Hamid Mohamed@Hashim* [2023] MLJU 2228, pihak pempetisyen mendakwa bahawa berlaku penyogokan untuk meraih undi semasa Majlis Pengagihan Bantuan *One-off* dan beberapa majlis penyerahan sumbangan i-Belia dan i-Siswa sekitar Kemaman. Mahkamah akhirnya telah membatalkan kemenangan ahli Parlimen Kemaman tersebut dengan sebab niat salah dalam pemberian



sumbangan dan menyalahgunakan majlis untuk meraih undi. Keputusan ini dibuat bukan atas dasar sumber sumbangan itu daripada dana rasmi Kerajaan Negeri Terengganu.

### 3.6 Analisis Kajian Kes Rasuah Pilihan Raya di Indonesia

Terdapat beberapa kes rasuah yang melibatkan pemberian wang dan manfaat material semasa kempen oleh calon pilihan raya di Indonesia. Antara kes yang berlaku adalah kes nombor 52/PID.SUS/2024/PT PAL yang melibatkan keputusan mahkamah bagi kes *Pendakwa Raya v Hasan Abas*. Defendan di dalam kes ini merupakan calon parlimen bagi Daerah Parigi Moutong di Sulawesi yang telah dituduh melanggar undang-undang pilihan raya dengan menjanjikan manfaat material semasa kempen. Ketika kempen pilihan raya berlangsung, defendan telah menjanjikan diskaun ke atas langganan kabel televisyen. Diskaun ini merupakan inisiatif daripada defendan sendiri dan bukan merupakan sebahagian daripada visi dan misi parti ketika kempen pilihan raya dijalankan. Walaubagaimanapun, defendan mendakwa bahawa janji beliau untuk mengembalikan 50 peratus daripada yuran langganan kabel televisyen adalah spontan semasa perbincangan dengan penonton dan tidak seharusnya dianggap sebagai sebahagian daripada manfaat yang tiada di dalam kempen pilihan raya. Mahkamah Tinggi Sulawesi Tengah telah mendapati defendan bersalah atas kesalahan pilihan raya dan defendan dikenakan hukuman 3 bulan penjara dan denda sebanyak Rp. 5,000,000.

Selain itu, kes yang berlaku adalah kes nombor 16/Pid.Sus/2021/PN Jap bertarikh 27 Januari 2021 yang melibatkan *Pendakwa Raya v Maks Krakuko*. Defendan dalam kes ini telah mengesahkan keterangan di bawah sumpah yang dibuat oleh saksi iaitu Rudolf Jonathan Makuba bahawa defendan yang merupakan koordinator Pasukan Sukarelawan di daerah Roufaer telah menerima wang sebanyak Rp. 550.000.000,00 daripada Pasukan Kemenangan Calon Bupati nombor 03 dan mengagihkan wang tersebut melalui wakil penyokong Calon Bupati nombor 03 di 20 tempat pengundian. Defendan telah didakwa menerima sumbangan haram dan melanggar undang-undang pilihan raya Indonesia serta dijatuhkan hukuman penjara selama 3 tahun dan denda sebanyak Rp. 200.000.000.

Seterusnya, kes *Pendakwa Raya v Ferry Dhalmy*. Keputusan mahkamah No. 717/Pid.Sus/2019/PT MDN telah mendapati defendan bersalah atas kesalahan memberikan insentif kewangan kepada pengundi untuk mempengaruhi undi mereka dalam pilihan raya. Tindakan defendan ini telah melanggar Pasal 523 Ayat 3 Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 7 Tahun 2017 tentang

Pemilihan Umum. Oleh itu, defendan telah dijatuhkan hukuman penjara selama 3 bulan dan denda sebanyak Rp. 5.000.000. Pendakwa Raya di dalam kes ini telah merayu untuk hukuman yang lebih berat namun keputusan asal telah dikekalkan.

### 3.7 *Isu-isu berkait dengan Rasuah Pilihan Raya*

Hasil daripada analisis kes-kes di atas dan pemerhatian yang dibuat, kajian mendapati bahawa terdapat enam isu utama yang kerap berlaku di ambang pilihan raya yang berkait dengan rasuah pilihan raya. Hukum bagi setiap isu ini telah diperolehi hasil daripada temu bual bersama pakar Syariah yang diperincikan seperti berikut:

#### i. *Sumbangan Ketika Musibah Atau Kecemasan*

Pemberian atau sumbangan kepada rakyat ketika musibah atau kecemasan melanda seperti banjir atau kebakaran yang kebetulan berlaku di ambang pilihan raya, maka hukumnya adalah harus dan bukan rasuah. Ini kerana telah menjadi peranan setiap anggota masyarakat untuk saling menolong dan membantu satu sama lain seperti yang telah diperintahkan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran;

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Terjemahannya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan” (Surah al-Maidah: ayat 2)

Galakan untuk saling membantu juga terdapat dalam hadis:

مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنَ الدُّنْيَا، نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ، يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا، سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ

Maksudnya: “Siapa yang membebaskan seseorang daripada kesusahan dunia maka Allah akan melepaskannya daripada kesusahan hari kiamat. Siapa yang memudahkan orang yang dalam kesusahan maka Allah akan memudahkannya di dunia dan akhirat. Siapa yang menutup aib saudaranya yang Islam maka Allah akan menutup aibnya di dunia dan akhirat. Allah akan membantu hamba-Nya selagimana hamba-Nya membantu saudaranya yang lain.” (Hadis no.

2699, Bab Zikir, Doa, Taubat dan Istighfar, Riwayat Muslim)

Malah, hukum harus ini boleh bertukar menjadi wajib kepada wakil rakyat yang sememangnya sedang memerintah kawasan tersebut disebabkan ia termasuk dalam tanggungjawab dan antara bidang tugas mereka.

## ii. *Sumbangan Ketika Majlis Keraian*

Majlis keraian ini boleh terdiri daripada pelbagai acara, contohnya sambutan perayaan agama seperti hari raya, penghargaan kepada kejayaan anak-anak dalam peperiksaan, mahupun bantuan pelajaran. Maka, hukum pemberian atau sumbangan yang diberikan adalah harus dan bukan rasuah, sekiranya ia sememangnya telah menjadi adat kebiasaan (*uruf*) masyarakat setempat, bukan dilakukan sempena pilihan raya semata-mata. Ini berdasarkan kepada kaedah fiqh, *al-a'dah muhakkamah* (العادة محكمة) yang bermaksud adat kebiasaan sesuatu tempat itu boleh menjadi rujukan bagi hukum.

Malah, hukum sumbangan ini boleh menjadi wajib kepada wakil rakyat yang sememangnya sedang memerintah kawasan tersebut sekiranya peruntukan perbelanjaan berkaitan dengannya telah pun diminitkan dalam mesyuarat sejak awal lagi sama ada di peringkat kerajaan negeri atau pun kerajaan pusat, dan ia bukannya bajet pilihan raya parti. Ini kerana peruntukan tersebut adalah amanah dan hendaklah digunakan mengikut apa yang ditetapkan bagi mengelakkan penyelewengan duit berlaku. Tuntutan dan kewajipan menunaikan amanah termaktub dalam al-Quran:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

Terjemahannya: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil (Surah al-Nisa': ayat 58).*

## iii. *Manifesto Yang Dijanjikan Oleh Calon*

Manifesto bermaksud pengisytiharan tentang dasar sesuatu parti politik kepada orang ramai sebelum pilihan raya. Ia juga merupakan suatu bentuk tawaran atau janji yang diberikan kepada rakyat yang boleh

menarik minat dan kecenderungan undi. Maka, hukum manifesto ini adalah harus dan bukannya rasuah. Walau bagaimanapun, adalah menjadi kewajipan seseorang untuk berkata benar dan menunaikan janji yang telah diperkatakan setelah mencapai kemenangan dalam pilihan raya. Ini kerana perbuatan menipu dan melanggar janji merupakan perkara yang dilarang dalam Islam dan merupakan antara ciri-ciri munafik seperti mana sabda Rasulullah s.a.w:

آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا أُؤْتِمِنَ خَانَ

Maksudnya:

Ciri-ciri orang munafik itu tiga: Apabila bercakap, dia berdusta; Apabila berjanji, dia mungkir; Apabila diberikan amanah, dia berdusta. (Hadis no.6095, Bab Adab, Sahih Bukhari)

**iv. Pemberian Sagu Hati Sebelum Atau Selepas Pilihan Raya**

Sebelum pilihan raya berlangsung, semua parti politik dan calon yang bertanding akan diberikan ruang dan tempoh masa tertentu untuk berkempen bagi memancing undi dan mengubah kecenderungan politik. Dalam tempoh tersebut, ada di kalangan mereka yang menggunakan kesempatan ini dengan memberikan sagu hati sama ada berbentuk kewangan atau pun barangan. Maka, hukum pemberian ini adalah haram, walaupun hukum asal pemberian adalah harus. Hukum haram ini adalah sebagai langkah pencegahan (*sadd al-zara'ie*) agar tidak terjerumus kepada perbuatan rasuah kerana pemberian sagu hati ini kebiasaannya ada niat timbal balik yang bertujuan untuk mendapatkan undi.

**v. Projek-Projek Untuk Rakyat Menjelang Pilihan Raya**

Bantuan atau projek-projek seperti pembinaan jambatan baru, baik pulih bangunan rosak yang dijalankan untuk rakyat di ambang pilihan raya seringkali berlaku. Ada sebahagian rakyat terpaksa menunggu tempoh pilihan raya untuk menggesa wakil rakyat yang memerintah demi mendapatkan peruntukan tersebut walaupun telah diusulkan beberapa kali sebelum ini. Maka, hukum pelaksanaan projek-projek seperti ini adalah harus sekiranya berniat ikhlas untuk membantu tanpa adanya niat timbal balik seperti mendapatkan undi. Tuntutan dan perintah untuk ikhlas di dalam perbuatan terkandung dalam al-Quran:

وَمَا أُمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ

Terjemahannya: “Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya” (Surah al-Bayyinah: ayat 5).

Malah, hukum ini boleh menjadi wajib sekiranya peruntukan untuk projek-projek tersebut sememangnya telah ada, tetapi tidak dilaksanakan.

#### vi. *Pendanaan Politik dari Pihak Luar*

Pendanaan politik adalah sumbangan yang diterima oleh sesuatu parti dalam bentuk kewangan dari pihak luar. Ia mungkin datang dari individu tertentu, kumpulan ataupun organisasi. Hukum pendanaan politik dari pihak luar ini adalah harus dengan syarat ia diperolehi dari sumber yang patuh syariah dan diberikan tanpa ada keterikatan atau niat timbal balik. Analoginya boleh diumpamakan seperti bersedekah secara ikhlas. Sekiranya pendanaan itu didapati dari sumber yang tidak patuh syariah dan meletakkan syarat timbal balik untuk mendapatkan sesuatu yang bukan haknya, maka, hukumnya adalah haram.

#### 4. KESIMPULAN

Kesimpulannya, hukum asal kepada sesuatu pemberian atau sumbangan itu adalah harus dan dibenarkan di dalam Islam. Namun, dalam isu pilihan raya, sekiranya pemberian itu mempunyai niat dan tujuan di sebaliknya, seperti untuk memancing undi dan mengubah kecenderungan politik, maka, hukumnya adalah haram dan perlu ditinggalkan kerana ia tergolong dalam perbuatan rasuah. Fatwa di Malaysia secara umumnya telah mengharamkan semua jenis perbuatan sama ada menerima atau memberi rasuah dalam semua keadaan dengan mengambil hukum asal. Manakala, fatwa di Indonesia telah mengambil pandangan rukhsah yang membenarkan rasuah diberikan hanya dalam keadaan yang terdesak, seperti dizalimi dan ingin mengambil haknya yang terhalang. Walau bagaimanapun, setakat hari ini belum ada lagi satu fatwa yang khusus berkaitan isu-isu rasuah pilihan raya sama ada di Malaysia, mahupun Indonesia. Fatwa yang sedia ada berbentuk umum sahaja. Oleh itu, penulis mencadangkan agar isu-isu ini diberikan perhatian oleh pihak berwajib dan satu fatwa khusus pilihan raya perlu dikeluarkan bagi memberikan kefahaman dan mengelakkan kekeliruan di kalangan masyarakat di kedua-dua negara.

## 5. PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian dari kajian yang dilakukan di bawah geran sepadan dengan kod penyelidikan USIM/MG/UB/FSU/SEPADAN-A/74823 yang bertajuk '*Amalan Rasuah dalam Pilihan Raya: Penilaian Semula berdasarkan Perspektif Syariah dan Undang-undang*'. Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universitas Brawijaya, Malang, Indonesia (UB) sebagai rakan kolaborasi atas penganugerahan geran ini.

## 6. RUJUKAN

Abdullah ibn Abdul Muhsin al-Tariqi (1982) *Jarimat al-Rishwah Fi al-Shariat al-Islamiyyah*. Riyadh: Muassasat al-Juraisi li al-Tawzi'.

Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Al-Amrani, A. H. (n.d.). *Bayan Fi Mazhab Imam Syafie*. Darul Minhaj.

Al-Bugha, M. (1992). *Fiqh Manhaji Ala Mazhab Imam Syafie*. Beirut: Darul Qalam.

Al-Bustamami, A. Y. (2006). *Kamus al-Mukhtar*. Selangor: Crescent New.

Ibnu Qudamah, Muwafiq Al-Din Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad al-Maqdasi (1986). *Al-Mughni*. Riyadh: Darul 'Alam al-Kutub.

Al-Khatib Al- Syarbini, Syamsuddin Muhammad bin Muhammad (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz Al-Minhaj*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Imiah.

Al-Nawawi, Abu Zakaria Muhyiddin Yahya bin Syaraf (1991). *Raudhah al-Talibin wa Umdah al-Muftin*. Beirut: Maktab al-Islami.

Al-Qardhawi, Yusuf (2007). *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Al-Subki, Abu Al-Hasan, Taqiuddin Ali bin Abd Al-Kafi (1993). *Fatawa Al-Subki*. Beirut: Dar Al-Makrifah.

Al-Suyuti, Jalaluddin Abd Al-Rahman (1983). *Al-Asybah wa aAl-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Zuhaili, Wahbah (2007). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Azman et al (2022). *Analisis Faktor-faktor Gejala Rasuah Dan Cabaran Menanganinya di Malaysia*. Malaysian Journal of Syariah and Law, Vol. 10.

Azman et al (2022). *Pendekatan Menangani Rasuah Menurut Maqasid Syariah*. Al-Qanatr: International Journal of Islamic Studies. Vol. 26. No. 2.

- Ba'lawi, Abd al-Rahman bin Muhammad (2016). *Ghayah Talkhis al-Murad min Fatawa Ibn Ziyad*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Dato' Mohd Zubir Bin Embong V Datuk Hj Ahmad Amzad Bin Mohamed @ Hashim [2023] MLJU 1542
- Dato' Sri Haji Mohammad Najib bin Tun Haji Abdul Razak v Public Prosecutor [2021] MLJU 2485
- Diyab Khalil Diyab al-Tatar (2011) *al-Athar al-Mutarattibah 'ala al-Rishwah fi al-Fiqh al-Islami: Dirasah fihiyyah Muqaranah*. Tesis sarjana al-Jami'ah al-Islamiyyah Ghazzah.
- Hairuzzaki, (2015). *Rasuah Politik Dalam Kalangan Ahli Politik di Malaysia*. Tesis Sarjana (UPM).
- Heywood, P. (1997). *Political Corruption: Problems and Perspective*. Journal of Political Studies, XLV, 417-435.
- Hildi, C. C., Anak Daniel, C. B., Mohd Suffian, M. A. D., Md Parid, I. H., & Irfan Haszreiman, M. H. (2023). *Kesan Rasuah terhadap Negara: Kajian Rintis daripada Perspektif Mahasiswa UTHM*. 101.
- Ibn Manzur, Abu Al-Fadl Muhammad bin Mukrim bin Ali (1993). *Lisan Al-Arab*. Dar Sadir, Beirut: Lubnan.
- Institut Latihan Kehakiman dan Peundangan (ILKAP) (2019). *Mencegah Rasuah: Pendekatan Integriti dan Tadbir Urus yang Berkesan*, September 2019, m/s 1-36.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kurniawan, A. (2018, Februari 13). *Hukum Praktik suap untuk penerimaan CPNS*. Nuonline. <https://nu.or.id/bahtsul-masail/hukum-praktik-suap-untuk-penerimaan-cpns-ZgU4j>
- Maszureen Hadzman. (2023, Julai 27). Bayaran tiket bas, ole-ole ketika PRN adalah salah. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/bayaran-tiket-bas-ole-ole-ketika-prn-adalah-salah-sprm/>



Mohamad Riza, N. S., Md Ariffin, M. F., & Harun, M. S. (2023). Rasuah Dalam Perspektif Hadith: Hukuman dan Penguatkuasaan. *Jurnal 'Ulwan Special Issue II: Psikologi Dan Kelestarian Ummah*, 2.

Nor Najdah Binti Ab Raman (2018). *Khalifah Umar Bin Abd Al-Aziz dan Mekanisme yang dilaksanakan dalam Pencegahan Rasuah*. Tesis Sarjana Fakulti Pengajian Islam UKM.

Noraida Harun & Zaidi Hassim (2017). *Rasuah Dalam Pentadbiran Tanah: Penyelesaian Menurut Islam*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* Vol. 15, 40-45. Penerbit UNISZA.

Pendakwa Raya v Ferry Dhalmy

Pendakwa Raya v Hasan Abas

Pendakwa Raya v Maks Krakuko

Rais Hussin. (2023, Mei 10). Malaysia rugi RM4.5 trilion dalam tempoh 26 tahun akibat rasuah. *Sinar Harian*.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/257850/khas/pendapat/malaysia-rugi-rm45-trilion-dalam-tempoh-26-tahun-akibat-rasuah>

Sarah Dina Mohd Adnan & Mohd Adib Ismail (2013). *Impak Rasuah Kepada Pertumbuhan Ekonomi*. *Prosiding Perkem Viii*, Jilid 1 (2013) 246 – 253.

Tan Sri M Ramasamy v R Yuneswaran & Ors [2023] MLJU 820

Tarmizi, L. (2022, Disember 28). *Irsyad Hukum Siri ke-740: Hukum memberi rasuah dalam keadaan terdesak*. Mufti of Federal Territory's Office  
<https://muftiwp.gov.my/en/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum-cat/5488-irsyad-al-fatwa-siri-ke-740-hukum-memberi-rasuah-dalam-keadaan-terdesak>

Wan Mohamad Hisham Bin Wan Abdul Hamid lawan Che Alias Bin Hamid Mohamed@Hashim [2023] MLJU 2228

Wizarah al-auqaf wa al-syu'un al-Islamiyyah. (1983). *Al-Mausu'ah Al-Fiqhiyyah Al-Kuwaitiyah*. Mesir: Dar al-Safwah.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab as apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*